



PERBADANAN ASET KERETAPI TAWAR 10 TAPAK TANAH KERETA API YANG BERPOTENSI TINGGI UNTUK DIBANGUNKAN

KUALA LUMPUR, 24 Ogos 2023 – Perbadanan Aset Keretapi (RAC) menawarkan 10 tapak tanah kereta api yang berpotensi tinggi dengan keluasan keseluruhan berjumlah **369.452 ekar** untuk dibangunkan dalam Pameran Hartanah RAC 2023.

Kesemua tapak ini terletak di enam (6) negeri iaitu di Pulau Pinang, Johor, Selangor, Kuala Lumpur, Perlis dan Kelantan dengan lima (5) daripada tapak tersebut berada di dalam jajaran kereta api yang tersedia, sesuai dimajukan dengan konsep Pembangunan Berorientasikan Transit (*Transit Oriented Development – TOD*) antaranya di Kempas, Johor, Stesen Keretapi Kuala Lumpur dan Salak Selatan di Kuala Lumpur, Stesen Keretapi Wakaf Bharu, Kelantan dan Stesen Keretapi Padang Besar di Perlis.

Pameran yang julung kalinya dianjurkan oleh RAC, sebuah badan berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan, berjaya mengumpulkan hampir 40 pemaju dan pemain-pemain industri harta tanah terkemuka antaranya Eco World Development Group Bhd., IOI Properties Group Bhd., UOA Development Bhd., Johor Land Berhad., MK Land Holding Bhd. dan YTL Land & Development Sdn. Bhd., Tropicana Corporation Bhd., Titijaya Land Bhd. dan Johor Land Bhd.

Pameran ini yang dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook turut dihadiri Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan yang juga Pengurus Lembaga Pengarah RAC, YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan serta barisan Ahli Lembaga Pengarah RAC.

YB Loke dalam ucapan berkata, program ini merupakan simbolik kepada pencapaian RAC dalam usaha Perbadanan ini merealisasikan pembangunan tanah-tanah kereta api yang berpotensi tinggi bertujuan bagi memastikan aset-aset ini dapat di *monitize* sekaligus menjana pendapatan untuk tempoh jangka masa panjang. Penganjuran

program ini juga menjadi platform kepada RAC untuk memperkenalkan harta tanah yang dimiliki RAC secara lebih terbuka kepada para pemaju harta tanah.

“Tanah-tanah RAC yang berpotensi tinggi dan terletak di lokasi yang strategik perlu dibangunkan dan ditambah nilai supaya Perbadanan ini dapat menikmati hasil pulangan yang maksima dan seterusnya membolehkan Perbadanan ini untuk kekal stabil dan terus berdaya maju setanding badan-badan berkanun yang lain. Selain itu penjanaan hasil daripada aset ini kelak dapat disalurkan untuk pembangunan sektor perkeretaapian di negara ini,” katanya.

Dalam hal ini katanya, pembangunan berkonsepkan TOD yang menjadi fokus RAC dalam membangunkan tanah-tanah kereta api sejak 2018, adalah selaras dengan hala tuju Kerajaan yang mensasarkan projek-projek pembangunan pada masa kini mempunyai jaringan pelbagai pengangkutan yang baik serta saling berhubung kait.

Bukan itu sahaja, kaedah ini boleh dijadikan asas dalam pembangunan sesebuah bandar/kawasan baharu dan dalam pada masa yang sama dapat meningkatkan nilai harta tanah, menarik pelaburan serta merangsang ekonomi di kawasan tersebut.

“Konsep pembangunan ini merupakan kaedah paling berkesan untuk meningkatkan nilai harta tanah ditambah pula dengan sokongan oleh infrastruktur rel. Pada hari ini saya difahamkan sebanyak lima (5) tapak tanah kereta api terletak bersebelahan dengan jajaran kereta api sedia ada yang sesuai dimajukan dengan konsep TOD. Oleh itu, penyertaan RAC dalam pembangunan berkonsepkan TOD adalah tepat pada masanya”, katanya.

Beliau turut menyarankan agar para pemaju dapat memberi perhatian kepada keperluan mewujudkan perumahan mampu milik terutamanya di kawasan yang berhampiran dengan hub pengangkutan berdasarkan rel dalam usaha Kerajaan meningkatkan aksesibiliti kepada rakyat.

Disamping itu, langkah ini juga katanya bukan sahaja dapat membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri malah pada masa yang sama dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

YB Loke berkata lagi, kerjasama strategik ini boleh direalisasikan secara *Private Public Partnership* (PPP) yang telah terbukti berjaya membantu Kerajaan dalam menyediakan kemudahan awam yang lebih baik dan dalam masa yang lebih cepat.

“Banyak projek yang dibuat melalui kaedah ini telah terbukti berjaya membantu Kerajaan dalam menyediakan kemudahan awam yang lebih baik dalam masa yang lebih cepat contohnya melalui RAC pembinaan Stesen Kereta Api Kajang 2, Stesen Keretapi Abdullah Hukum, Penang Sentral dan lain-lain projek pengangkutan yang lain seperti KL Sentral, jaringan sistem pengangkutan LRT, pembinaan lebuh raya, pembinaan stesen bas berpusat dan sebagainya,” katanya.

Sekian, terima kasih.

PERBADANAN ASET KERETAPI

24 OGOS 2023

- TAMAT -

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletakhak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Maklumat lanjut layari www.rac.gov.my

Pertanyaan Media:

Unit Hal Ehwal Korporat

Pegawai Perhubungan Awam : Puan Ane Salfarizan Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 012 - 6594256

No Faks: 603 - 8939 0222

Pegawai Perhubungan Media dan Pengurusan Pemegang Taruh:

Puan Siti Faraameera Zainuddin

E-mel: faraameera@rac.gov.my

No Tel: 6038939 0200 / 013 - 200 8836

No Faks: 603 - 8939 0222